

NO. SOALAN : 374

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH

SOALAN :

YB Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah teknologi baru yang akan digunakan oleh pihak berkuasa bagi memantau pencerobohan nelayan asing ke dalam perairan Malaysia.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Maritim Malaysia memandang serius berkaitan isu pencerobohan nelayan asing terutamanya di Perairan Laut China Selatan dan Selat Melaka. Terkini, pihak kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM50 juta kepada Maritim Malaysia untuk projek perolehan Sistem Pengawasan Laut (SWASLA) Fasa 2 di Pulau Perak, Kedah dan Pulau Jarak, Perak. Radar ini adalah bertujuan untuk pengawasan bot nelayan asing di Selat Melaka dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2018. Sebanyak 3 radar telah beroperasi di Pantai Barat Sabah di mana sebanyak 2 radar lagi dirancang dibina di Sabah dalam RMK-11.

Pada masa yang sama, Maritim Malaysia juga dalam proses memperolehi 6 buah *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) yang akan ditempatkan di 6 buah Kapal Ronda Generasi Baru (NGPC). Ia akan diterima secara berperingkat-peringkat sehingga tahun 2018. UAV pertama akan diterima pada Disember 2016. Diharapkan UAV ini mampu untuk mengesan kehadiran bot nelayan asing yang mencerobohi perairan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT RAJA DATO' KAMARUL
BAHRIN SHAH [KUALA TERENGGANU]**

SOALAN :

YB Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pecahan bilangan berapa banyakkah biasiswa yang dikeluarkan kepada pelajar-pelajar rakyat Malaysia pada tahun 2013 dan juga pada tahun 2015.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menaja seramai 9,361 orang pelajar bagi tahun 2013 dan 9,205 orang pelajar bagi 2015 di bawah Program Lulusan Bursary, Program Khas Kejuruteraan Jepun, Korea, Jerman dan Perancis, Program Biasiswa Nasional, dan Program Ijazah dalam Negara. Pecahan terperinci jumlah tajaan mengikut program adalah seperti jadual di bawah:

TAHUN	PROGRAM LEPASAN BURSARY	PROGRAM KHAS KEJURUTERAAN JEPUN, KOREA, JERMAN DAN PERANCIS (JKPJ)	BIASISWA NASIONAL	PROGRAM IJAZAH DALAM NEGARA	JUMLAH
2013	278	300	50	8733	9361
2015	596	289	50	8270	9205

Sekian. Terima kasih.